



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 12 / 2020

SPR PAMER RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2019

1. Dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih Suku Tahun Keempat Tahun 2019 (ST4/2019), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **27,345 permohonan pendaftaran pemilih baru** daripada warganegara yang layak dan **11,869 permohonan pertukaran bahagian pilihan raya** daripada pemilih berdaftar.
2. Selaras dengan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST4/2019 akan dipamerkan selama **14 hari** mulai **30 Januari hingga 12 Februari 2020** di 914 tempat-tempat pameran di seluruh negara seperti di Lampiran.
3. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai **1 Oktober 2019 hingga 31 Disember 2019** dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST4/2019. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST4/2019, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.
4. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-

mana orang di dalam Rang DPT ST4/2019 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

5. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.

6. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST4/2019, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan daripada daftar pemilih kerana mereka ini telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

7. Bagi pegawai dan anggota Polis dan Tentera yang telah tamat perkhidmatan pula, SPR bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam mengemaskini maklumat lokaliti pengundian mereka dari lokaliti polis dan tentera ke lokaliti awam dengan mengekalkan bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN sedia ada masing-masing.

8. Tindakan pengemaskinian ini adalah bagi memastikan mereka akan mengundi sebagai Pengundi Biasa dan bukan lagi sebagai Pengundi Awal kerana mereka telah menamatkan perkhidmatan Polis atau Tentera. Jumlah yang terlibat ialah seramai **1,354** orang yang terdiri daripada **663** orang pesara Tentera, **12** orang pasangan pesara Tentera dan **679** pesara Polis. Semua nama pesara Tentera dan Polis serta pasangan ini juga dipamerkan semasa Pameran Rang DPT kali ini.

9. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Oktober 2019 hingga 31 Disember 2019 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat yang diwartakan.

10. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Rang DPT ST4/2019 **boleh** menghubungi talian hotline SPR di **03-8892 7018** atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di **www.spr.gov.my** atau aplikasi **MySPR Semak** untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST4/2019.

Sekian, terima kasih.



DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2020 / 4 Jamadilakhir 1441H

LAMPIRAN**JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN
RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT)
SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2019**

BIL.	TEMPAT	JUMLAH
1.	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2.	Pejabat Pos	407
3.	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	83
4.	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	174
5.	Majlis Daerah/ Perbandaran	61
6.	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai Raya/ Pejabat Penghulu/ Dewan	158
7.	Lain-Lain Tempat	16
	JUMLAH	914